



Perantau Ramadan

Serdang: Kemeriahan bazar Ramadan sekitar Serdang yang menjual pelbagai juadah tempatan untuk berbuka puasa menjadi tarikan sebahagian daripada pelajar antarabangsa di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Mereka berpeluang mengenali dan menikmati pelbagai juadah tradisional setempat selain merasai pengalaman berbeza berpuasa di Malaysia berbanding negara asal masing-masing.

Ikuti pengalaman yang dikongsikan pelajar berkenaan sepanjang mereka menjalani bulan Ramadan di Malaysia.

Juadah

tempatan jadi pilihan

Oleh Basir Zahrom dan
Izzat Azmi
bhvarsiti@bh.com.my

• Serdang

Pengalaman berpuasa di perantauan bukan lagi masalah bagi kebanyakan pelajar antarabangsa di Universiti Putra Malaysia (UPM). Bagi mereka, kedatangan Ramadan memberi peluang kepada mereka menikmati kepelbagaian juadah tradisional tempatan yang dijual di bazar Ramadan.

Lebih menarik, ada kalangan pelajar yang memilih juadah seperti bubur lam-

buk, rendang dan budu sebagai pilihan untuk berbuka puasa bersama-sama rakan.

Pelajar Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Sara Ravan Ramzani, 29, berkata beliau menggemari nasi goreng ayam bersama dengan budu kerana mempunyai rasa yang hampir sama dengan masakan di negara asalnya, Iran.

Sara yang sudah enam tahun merasai pengalaman berpuasa di Malaysia bagaimanapun mengakui teringin pulang ke tanah air untuk berpuasa bersama-sama keluarganya namun hasrat itu dipendamkan kerana tugas menuntut ilmu yang memerlukan pengorbanan.

Rindu masakan ibu

“Saya merindui masakan ibu di Iran, namun begitu pengalaman berpuasa di Malaysia adalah sesuatu yang istimewa kerana saya dibantu rakan dalam kalangan pelajar Melayu untuk berbuka puasa bersama-sama.

“Setiap kali Ramadan, warga Malaysia akan memasak juadah yang jarang dijumpai pada bulan lain seterusnya bertukar juadah, manakala di Iran, kami akan masak dan menjemput rakan untuk berbuka bersama-sama,” katanya ketika ditemui di UPM, baru-baru ini.

Rakannya, Zarrin Pirzadeh, 35, yang juga dari Iran, berkata beliau tidak menghadapi masalah mendapatkan

juadah sama seperti negara asal kerana banyak restoran yang menyediakan segala jenis menu Asia Barat.

“Apapun, juadah tempatan tetap menjadi tarikan saya seperti nasi goreng dan pisang goreng,” katanya.

Pelajar PhD Fotonik dan Kejuruteraan Sistem Gentian Optik, UPM, Yusser Ali Al-Qazwini, mengakui suasana Ramadan di negara ini cukup menarik dengan adanya bazar Ramadan yang menjual pelbagai keunikan juadah tempatan.

Juadah unik

Beliau yang menggemari rendang daging dan nasi beriani berkata, juadah itu mempunyai rasa yang unik membuatnya sering menjadikannya antara juadah pilihan berbuka puasa.

“Di negara kami (Iraq), tiada kemeriahan bazar Ramadan tetapi berbeza di Malaysia yang setiap tempat pasti ada bazar yang menjual pelbagai makanan yang sedap,” katanya.

Pelajar semester akhir Pengurusan Perniagaan Universiti Utara Malaysia (UUM),



BUDAYA ISLAM
DI SINI MEMANG
SESUAI UNTUK KAMI.
SELAIN ITU,
KEMUDAHAN
DISEDIAKAN
JUGA MEMENUHI
KEPERLUAN”



Sebahagian daripada **pelajar asing UUM** berbuka puasa di Masjid Sultan Badlishah, Sintok.

Ahmed Derou,
Pelajar semester
akhir Pengurusan
Perniagaan UUM

Ahmed Derou, pula berkata, suasana di UUM membuat dirinya selesa menjalani ibadat puasa walau berjauhan daripada keluarganya.

“Budaya Islam di sini memang sesuai untuk kami. Selain itu, kemudahan disediakan juga memenuhi keperluan,” katanya yang sering berbuka puasa di Masjid Sultan Badlishah UUM.

Kedatangan Ramadan bukan saja memberikan peluang kepada pelajar ini mengenali lebih banyak menu tempatan, bahkan memahami lebih dekat budaya rakyat Malaysia.